

26/05/1999

PM tegur guru agama (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan, ada guru agama di negara ini yang cuba mempengaruhi kanak-kanak supaya mengelak daripada bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

Menurut Perdana Menteri, mereka cuba mengasingkan diri secara fizikal daripada bukan Islam serta beranggapan hubungan dengan bukan Islam akan mencemari agama dan cara hidup mereka.

Aliran itu, kata Dr Mahathir, adalah antara contoh kebimbangan umat Islam mengenai sekularisme sehingga cuba menjauhkan diri daripada pengaruh luaran, menyebabkan mereka tidak menyumbang kepada persefahaman antara agama.

"Percubaan untuk mengasingkan umat Islam daripada bukan Islam tidak hanya terhad kepada taman didikan kanak-kanak saja. Hari ini, di sekolah dan universiti, pelajar Islam disaran supaya tidak mencampuri kegiatan yang membabitkan pelajar bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan seminar antarabangsa mengenai Peranan Peradaban Islam Dalam Meningkatkan Kefahaman Antara Agama di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), di sini hari ini.

Seminar dua hari anjuran Ikim dengan kerjasama Kedutaan Sepanyol itu, disertai peserta tempatan dan luar negara, termasuk dari Australia, Sudan Filipina, Pakistan, Britain dan Turki.

Perdana Menteri berkata, guru agama terbabit menimbulkan was-was dalam pemikiran kanak-kanak berhubung makanan halal serta diajar supaya menjauhkan diri serta tidak bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

"Kesannya, agak jarang bagi pelajar beragama Islam mempunyai kawan-kawan yang bukan beragama Islam.

"Generasi terdahulu bergaul baik dengan masyarakat bukan Islam tetapi generasi baru tidak begitu menyesuaikan diri dengan masyarakat berbilang kaum dan agama," katanya.

Menurutnya, pengasingan umat Islam tidak akan membantu meningkatkan persefahaman antara agama. Dalam sebuah negara pelbagai kaum dan agama seperti Malaysia, rakyat perlu hidup secara harmoni untuk menikmati kemakmuran dan kemajuan.

Perdana Menteri berkata, mempelajari sains, kemahiran dan teknologi yang tidak dinafikan dapat menyumbang kepada kebaikan masyarakat Islam, bukan sesuatu yang sekular.

"Kebaikan di akhirat tidak hanya datang daripada amalan beragama saja," katanya sambil menambah, pemisahan antara gereja dan pemerintah, antara sekular dan agama mungkin, boleh berlaku dalam agama Kristian.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak mungkin berlaku dalam masyarakat Islam kerana agama adalah cara hidup, yang membabitkan perkara dan amalan setiap hari.

Menurutnya, kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara Islam adalah sebahagian daripada cara hidup masyarakat Islam, dan yang dikehendaki daripada mereka ialah tidak menyalahi ajaran agama.

"Cara hidup masyarakat Islam tidak termasuk kejahilan dan tanpa pengetahuan moden, kemahiran, kedaifan atau terpaksa membeli daripada orang lain, termasuk mereka yang dianggap sekular, untuk makanan dan keselamatan," katanya.

Dr Mahathir berkata, ketidakmampuan umat Islam untuk melindungi masyarakat Islam lain yang memerlukan bantuan kerana mereka tidak maju dan miskin.

Menurutnya, tekanan terhadap umat Islam di beberapa tempat seperti Palestin dan Eropah Timur telah menimbulkan kemarahan, yang menyebabkan mereka bertindak ganas dan dianggap sebagai pengganas, untuk menunjukkan kekecewaan mereka.

"Tetapi tindakan keganasan atau tindakan mempertahankan diri masyarakat Islam di Palestin, disifatkan sebagai keganasan Islam. Pengganas, jika mereka sebenarnya pengganas dan dalam kebanyakan keadaan mereka bukan pengganas, dilabel sebagai pengganas Islam.

"Dan sekarang kita melihat pembunuhan beramai-ramai etnik Albania di Kosovo, sebelum ini pembunuhan umat Islam di Bosnia-Herzegovina. Bagaimanapun, kesemua keganasan ini oleh etnik Eropah tidak pernah disifatkan sebagai keganasan Kristian," katanya.

(END)